



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
WISMA PSMB, JALAN BERINGIN
DAMANSARA HEIGHTS
50490, KUALA LUMPUR.

Tel : 03- 2096 4800

Fax : 03- 2096 4999

PEKELILING MAJIKAN BIL.5/2000

PEMBERIAN BANTUAN KEWANGAN DI BAWAH SKIM PEMBELIAN ALAT-ALAT BANTUAN LATIHAN DAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN BILIK LATIHAN

1. Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada majikan mengenai asas pemberian bantuan kewangan di bawah Skim Pembelian Alat-Alat Bantuan Latihan Dan Penyediaan Kemudahan Bilik Latihan bagi tahun 2000.
2. Pada masa ini kadar bantuan kewangan yang ditetapkan di bawah skim ini adalah 80 peratus daripada kos pembelian, tertakluk kepada maksimum 20 peratus daripada bayaran levi tahun sebelumnya mengikut mana yang terendah. Walaupun begitu tuntutan majikan akan dibayar tertakluk kepada baki levi semasa dan tunggakan bayaran levi/faedah.
3. Berikutan daripada pengecualian pembayaran levi ke atas sebahagian besar majikan dalam tahun 1998 dan 1999, pengiraan bantuan kewangan yang berasaskan bayaran levi tahun sebelum telah tidak dapat dilaksanakan. Untuk membolehkan majikan layak mendapat bantuan kewangan yang ditawarkan dibawah skim ini bagi tahun 2000, MPSM telah menetapkan bahawa majikan yang membayar levi di sepanjang tahun 1999, pemberian bantuan kewangan adalah berasaskan maksimum 20 peratus bayaran levi tahun 1999. Manakala majikan yang dikecualikan pembayaran levi dalam kedua-dua tahun 1998 dan 1999, bantuan kewangan adalah berasaskan maksimum 20 peratus bayaran levi pada tahun 1997 atau 80 peratus dari kos pembelian yang mana terendah.
4. Bagi pemberian bantuan kewangan selepas tahun 2000, dasar yang berkuatkuasa sekarang adalah masih terpakai iaitu berasaskan 20 peratus daripada bayaran levi tahun sebelumnya atau 80 peratus dari jumlah kos perolehan/pembelian yang mana terendah.
5. Pekeliling Majikan ini berkuatkuasa mulai 2 Mac 2000.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(RUSNAN BIN SAMAT)

Pengarah,
Bahagian Geran Latihan.
b.p. Ketua Pengarah,
Majlis Pembangunan Sumber Manusia.